

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : USUL-USUL**

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH**

**TARIKH : OKTOBER – DISEMBER 2019**

**USUL NO. 23**

Mencadangkan "Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh berkaitan pelaksanaan projek Sistem Transit Rapid (RTS) Johor-Singapura selepas hasil perbincangan di antara Menteri Pengangkutan Malaysia bersama Menteri Pengangkutan Singapura pada bulan Julai 2019. Hasil perbincangan ini amat penting untuk dibawa ke Parlimen agar Ahli Dewan Rakyat dapat mengetahui dengan jelas perancangan projek tersebut serta dapat dibincangkan secara terperinci di dalam Dewan Rakyat. Rakyat pastinya ternanti-nanti akan penjelasan tentang perancangan, kesan jangka masa panjang yang melibatkan dua negara ini. Perbincangan ini adalah amat penting untuk mengetahui secara terperinci berkenaan implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Malaysia akibat penangguhan projek tersebut. Selain itu, pelaksanaan projek ini hendaklah tidak hanya dibincangkan dalam peringkat kabinet sahaja dan secara tertutup antara Kerajaan Malaysia dan Singapura tetapi perlu mengambil kira pandangan orang ramai yang juga bakal menikmati kemajuan fasiliti dan menggunakan kemudahan ini terutama rakyat Malaysia yang mencari rezeki bekerja di Singapura agar mereka mengetahui dengan jelas tentang pendirian Kerajaan sama ada untuk meneruskan, menangguhkan atau membatalkan projek ini. "

**[ MENTERI PENGANGKUTAN ]**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Perjanjian Dua Hala bagi pelaksanaan Projek Rapid Transit Link (RTS Link) antara Johor Bahru dan Singapura telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia pada 16 Januari 2018. Selepas Kerajaan baru mengambil alih pentadbiran Kerajaan, Kerajaan telah mengkaji semula terma perjanjian termasuk skop kerja dan kos projek, serta kaedah pembiayaan yang telah diputuskan oleh Kerajaan terdahulu.

2. Hasil daripada kajian tersebut, Kerajaan berpandangan perancangan projek ini termasuk dari segi pemilihan teknologi, struktur dan kos pelaksanaan projek ini perlu dikaji dan dirunding semula agar ianya boleh memberi manfaat kepada kedua-dua buah negara dengan kos yang lebih rendah di samping dapat mencapai matlamat untuk mengurangkan kesesakan di Tambak Johor. Selain itu, perancangan penyelesaian bagi kesesakan antara Johor Bahru – Singapura secara efektif juga perlu mengambil kira perancangan sistem pengangkutan awam secara keseluruhan di negeri Johor.

3. Pada 18 Oktober 2019, Kementerian Pengangkutan Malaysia telah mendapat kelulusan daripada Kabinet untuk meneruskan projek RTS Link dengan perubahan kepada struktur, skop dan spesifikasi projek. Dalam mesyuarat itu, Kabinet bersetuju dengan perubahan spesifikasi sistem rel dan tren daripada sistem Transit Aliran Massa (Mass Rapid Transit - MRT) kepada sistem Transit Aliran Ringan (Light Rail Transit - LRT) yang akan mengurangkan kos sistem rel dari RM806 juta kepada RM633 juta, iaitu pengurangan sebanyak RM173 juta.

4. Selain itu, kawasan pembinaan depoh RTS telah dicadangkan untuk dipinda ke kawasan Bukit Chagar untuk mengelakkan kebergantungan kepada depoh Mandai di Singapura. Pembinaan depoh di Malaysia ini dijangka dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan ekonomi masyarakat setempat secara tidak langsung selain memastikan

kos perolehan, kos operasi dan penyelenggaraan RTS yang lebih ekonomik.

5. Dengan perubahan-perubahan kepada projek RTS Link ini, penangguhan projek RTS Link akan dilanjutkan selama 6 bulan sehingga 30 April 2020 supaya Kementerian Pengangkutan dapat menjalankan kajian teknikal dengan lebih terperinci serta memperhalusi cadangan perubahan skop, spesifikasi dan struktur projek. Dalam tempoh masa ini, Kementerian Pengangkutan juga akan memuktamadkan pindaan kepada beberapa perjanjian berkaitan RTS Link yang termasuk Perjanjian Dua Hala antara Malaysia dan Singapura. Mengambil kira kompleksiti projek RTS Link yang melibatkan pelbagai pihak di dalam dan di luar negara, butiran garis masa perancangan, pembinaan dan jangkaan tarikh projek ini siap hanya akan ditentukan selepas penyelesaian rundingan dua hala antara Malaysia dan Singapura.

Sekian, terima kasih.